

## **PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEMBANTU PENGUATKUASA**

### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pembantu Penguatkuasa Gred KP1, KP2, KP3, KP4.

### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Pengangkutan Jalan/ Agensi Kerajaan. (Tiada maklumat daripada jabatan lain).

### **3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab terhadap menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334) serta Kaedah-kaedah Pengangkutan Jalan, mengurus, memantau, mengkaji segala aktiviti penguatkuasaan operasi, pendakwaan dan siasatan dengan cekap dan berkesan serta memberi khidmat nasihat, memenuhi keperluan dan harapan *stakeholders*.

### **4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

#### **4.1 Pembantu Penguatkuasa Gred KP1**

- a. Menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan operasi dan siasatan.
- b. Bertanggungjawab menyedia, mengeluar, menyemak segala jenis-jenis dokumentasi berkaitan operasi, pendakwaan, aduan dan siasatan.
- c. Bertanggungjawab untuk memandu kenderaan penguatkuasa dan memastikan kenderaan dalam keadaan baik dan selamat sebelum digunakan serta mengemaskini buku log kenderaan.
- d. Menjalankan tugas dalam bilik kawalan.
- e. Menerima aduan dari orang awam (sumber).
- f. Bertanggungjawab menjadi saksi kes-kes mahkamah.
- g. Bertanggungjawab menjalankan tugas di Kaunter Penguatkuasa.

#### **4.2 Pembantu Penguatkuasa Gred KP2**

- a. Mengetuai/menyelia tugas-tugas operasi dan siasatan.
- b. Menjalankan tugas sebagai Pegawai Pendakwa di mahkamah.
- c. Bertanggungjawab menyedia, mengeluar, menyemak segala jenis-jenis dokumentasi berkaitan operasi, pendakwaan, aduan dan siasatan.
- d. Menjalankan tugas-tugas sebagai Pegawai Teknikal Senjata Api.
- e. Membantu tugas ketua di Stesen Penguatkuasa Timbang/ Stesen Kawasan Sempadan/ Stesen Verifikasi JPJ (NIKI).
- f. Bertanggungjawab untuk memandu kenderaan penguatkuasa dan memastikan kenderaan dalam keadaan baik dan selamat sebelum digunakan serta mengemaskini buku log kenderaan.

#### **4.3 Pembantu Penguatkuasa Gred KP3**

- a. Membantu tugas-tugas Ketua Bahagian/ Unit dalam pengurusan penguatkuasaan JPJ Negeri/ Cawangan/ Stesen Penguatkuasa Timbang/ Stesen Kawalan Sempadan.
- b. Menyediakan laporan, pengumpulan dan penyelarasan statistik penguatkuasaan.
- c. Membantu menyelesaikan kes-kes penguatkuasaan operasi/ pendakwaan/aduan dan siasatan.
- d. Menyelia segala tugas-tugas dokumentasi dan peralatan penguatkuasaan/ kenderaan penguatkuasa.
- e. Bertanggungjawab menyelia tugas-tugas operasi dan siasatan.
- f. Menjalankan tugas-tugas sebagai Pegawai Teknikal Senjata Api.
- g. Menjalankan tugas sebagai Pegawai Pendakwa di mahkamah.
- h. Membantu tugas ketua di Stesen Verifikasi JPJ (NIKI).

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Pegawai dalam jabatan/ bahagian.

### **Luaran**

- a. Jabatan Pengangkutan Jalan.
- b. Orang ramai.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

- a. Dalam dan luar pejabat.

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

- a. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh kerajaan.
- b. Bekas anggota Polis atau Tentera yang berpangkat Koperal dan ke atas dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca, menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
- c. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) hendaklah mendapat kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Integriti.
- b. Bertanggungjawab.
- c. Sabar.
- d. Kompetensi dan ketelitian.
- e. Disiplin diri.
- f. Kejujuran.
- g. Dedikasi

## **9. ANCAMAN/BAHAYA**

- a. Boleh diambil tindakan tatatertib.
- b. Risiko terdedah kepada peluang penyelewengan.
- c. Tekanan.

Sumber : Kementerian Pengangkutan Malaysia. Surat Rujukan: KP/PO/0.309 Jld.21 (24) bertarikh 30 April 2009.